

Series ONS

SET-4

Code No. **36**

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **11** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

BAHASA MELAYU

Time allowed : 3 hours

Masa : 3 jam

Maximum Marks : 100

Markah : 100

Instructions :

*Attempt **all** questions.*

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, dan **Bahagian C**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **2 soalan**. Anda wajib menjawab **satu** soalan sahaja.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **1 soalan**. Anda diwajibkan menjawab soalan tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **5 soalan**. Anda diwajibkan menjawab semua soalan tersebut.
5. Anda dinasihatkan supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (60 minit)**, **Bahagian B (50 minit)**, dan **Bahagian C (70 minit)**.
6. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
7. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
8. Kertas soalan ini mengandungi **7 muka surat** sahaja.

Bahagian A
[40 Markah]

Soalan 1

Tulis sebuah karangan tentang salah ***satu*** daripada perkara di bawah. Panjang huraian anda hendaklah ***antara 200 hingga 300 patah perkataan.***

- (i) Lambakan pekerja asing tanpa izin ke negara kita mendatangkan kesan negatif.

Cadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kedatangan pekerja asing tanpa izin (PATI) ke negara kita.

atau

- (ii) Sebagai ketua pemedato sekolah, anda diminta memberi bimbingan kepada pemedato-pemedato baharu mengenai kaedah meningkatkan komunikasi berkesan.

Tuliskan kaedah-kaedah berkomunikasi yang berkesan.

Bahagian B
[30 Markah]

Soalan 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu ringkasan tentang ***kepentingan amalan bergotong-royong.*** Panjang ringkasan anda hendaklah ***tidak melebihi 150-180 patah perkataan.***

Amalan bergotong-royong merupakan budaya yang dipraktikkan sejak generasi dahulu dan dianggap sebagai aktiviti yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Peribahasa ini menunjukkan warisan budaya atau amalan bangsa agar sentiasa relevan dan diingati oleh masyarakat, terutamanya generasi baharu ini. Pada zaman serba canggih ini, budaya yang diingini hanyalah keseronokan dan keselesaan yang tidak mahu memikul beban dan

tanggungjawab. Fenomena ini sedikit sebanyak melunturkan semangat bergotong-royong dalam kalangan masyarakat. Jika dilihat keadaan masyarakat hari ini, berapakah peratusan golongan muda yang turut terlibat dalam aktiviti gotong-royong ?

Amalan bergotong-royong sememangnya aktiviti yang menarik kerana dapat meningkatkan tahap kebersihan tempat tinggal kita. Kebersihan tempat tinggal merupakan asas penting untuk hidup dengan selesa. Melalui aktiviti sebegini, kita bukan sahaja dapat memperindah kawasan tempat tinggal, malah dapat dimanfaatkan untuk mengenali dan memahami jiran tetangga.

Sekiranya ditinjau dari perspektif lain, amalan bergotong-royong menjadi satu daripada aktiviti kehidupan yang penting sebagai langkah membersihkan tempat tinggal daripada menjadi tempat pembiakan vektor penyakit. Dengan berbuat demikian, kita dapat mencegah dan menjauhi penyakit. Oleh hal yang demikian, amalan ini seharusnya dipupuk daripada satu generasi kepada satu generasi. Bergotong-royong juga dapat dipraktikkan untuk mengekalkan kesihatan dan keadaan yang selesa di kawasan tempat tinggal.

Kegiatan bergotong-royong memainkan peranan yang signifikan sebagai agen perpaduan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara mendapati bahawa jurang antara kaum semakin lebar dari setahun ke setahun. Melalui kegiatan ini, kita akan lebih mempercayai masyarakat sekeliling dan saling menghormati.

Aktiviti bergotong-royong membawa banyak kemaslahatan. Dengan mengamalkan semangat ini, secara tidak langsung, kita dapat memelihara bumi menjadi tempat yang indah. Gotong-royong merupakan tanggungjawab yang penting dalam kehidupan bermasyarakat untuk mewujudkan kualiti kehidupan yang optimum.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada ‘Kemaslahatan Bergotong-royong’ oleh Ashok Annamalai Meyyappan. Tap, Dewan Siswa, Mac 2014)

Bahagian C
[30 Markah]

Soalan 3

Dalam setiap ayat di bawah terdapat *satu kesalahan ejaan* dan *satu kesalahan penggunaan imbuhan*. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(10 Markah)

- i. Suasana perhimpunan itu menjadi kelang-kabut apabila tiba-tiba terdengar bunyi berdentum yang kuat di kawasan berhampiran.
- ii. Gejala gangsterisme dalam kalangan murid perlu ditangankan segera untuk mengelakkan masalah itu.
- iii. Sendikit cetak rompak itu cuba kelirukan pihak berkuasa dengan menjadikan sebuah kawasan perkhemahan tinggal sebagai pusat operasi.
- iv. Ibubapa perlu berganding bahu pembentuk sahsiah anak-anak mereka.
- v. Dengan menjual bihun goreng ayam berempah Mak Cik Gayah dapat menambah pendapatnya.

Soalan 4

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

(5 Markah)

Sekarang Pak Usu sudah pulang. Tetapi kenapa dia jadi bahan pertengkaran emak dan ayah ? Kenapa emak tidak senang dengan Pak Usu ? Kenapa emak membenci Pak Usu ? Kenapa Pak Usu tinggalkan kampung halaman ? Apa kerja Pak Usu sekarang ? Persoalan-persoalan itu hidup semula dalam kepala Arif.

“Pak Usu duduklah dulu di sini”. Arif membawa Usup ke kerusi rotan yang terletak di hujung anjung.

Pak Usu menurut sahaja. Dia duduk dengan tenang di atas kerusi itu. Arif Nampak dia sedang mengenang sesuatu. Sesuatu yang tidak akan dimengertinya. Apakah yang dikenangnya ? *Peristiwa pahit* yang pernah dialami ? Peristiwa menyayat hati yang menyebabkan dia meninggalkan kampung halaman ?

“Dah banyak perubahan di kampung ini”, cetusnya setelah terdiam sejeurus.

“Ya Pak Usu. Di kampung ini dah ada elektrik. Dah ada air paip. Dah ada jalan batu”.

“Bukan itu sahaja”, sambung Pak Usu dengan pantas.

“Pak Usu rasa rumah pun dah banyak. Penduduk kampung tentu dah mewah”.

Arif membiarkan sahaja Pak Usunya melahirkan pendapatnya. Mungkin dia akan bercerita lebih lanjut tentang kampung ini. Dan mungkin dia akan mengisahkan detik-detik yang dilaluinya sehingga membawanya pulang ke kampung dengan kereta besar biru tua itu. Keinginan Arif hendak mengetahuinya kian memuncak. Tentu kisahnya amat menarik. Seorang buta yang hidup melarat, tiba-tiba muncul semula dengan segala kemewahan.

“Pokok durian di belakang rumah itu ada lagikah ?” tanya Pak Usu sambil menegakkan badannya.

“Ada, Pak Usu. Banyak buahnya. Musim durian baru-baru ini banyak ayah dapat duitnya”.

Pak Usu tersenyum. Mukanya dihalakan tepat kepada muka Arif. Cermin mata gelap masih tidak ditanggalkan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada drama “*Pak Usu*”, karya Othman Rasul, antologi *Sehijau Warna Daun*, Tingkatan 1, DBP)

- i. Apakah perkara yang sedang difikirkan oleh Arif ?
- A Sebab-sebab emaknya tidak suka akan Pak Usunya
 - B Kegigihan Pak Usunya dalam menghadapi hidup
 - C Sebab-sebab Pak Usunya meninggalkan kampung itu
 - D Pak Usunya yang buta tetapi berjaya menjadi pensyarah universiti

- ii. Yang berikut merupakan antara perubahan yang berlaku di kampung Arif, **kecuali**
- A kampung itu sudah mendapat bekalan air paip
 - B kampung itu sudah ada jalan batu dan banyak rumah sudah dibina
 - C kampung itu sudah mendapat bekalan elektrik
 - D kampung itu sudah ada sekolah baru
- iii. Frasa "*peristiwa pahit*" sesuai digantikan dengan frasa
- A pengalaman yang tidak baik
 - B perkara lain
 - C kisah kemiskinan
 - D perkara yang sudah lepas
- iv. Nyatakan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ini ?
- A Janganlah membiarkan orang cacat hidup merempat dan terabai
 - B Kekacatan tubuh badan tidak menghalang seseorang itu untuk berjaya
 - C Kita hendaklah berjimat-cermat demi kesenangan itu untuk berjaya
 - D Para remaja hendaklah mengenang budi orang-orang tua yang banyak berjasa
- v. Nilai-nilai yang berikut terdapat dalam keseluruhan petikan **kecuali...**
- A Kegigihan
 - B Kerajinan
 - C Berdikari
 - D Tolong-menolong

Soalan 5

Pilih jawapan yang paling tepat.

(5 Markah)

- Batu bersurat di Kedudukan Bukit
- Batu Bersurat di Talang Tuwo
- Batu Bersurat di Karang Brahi

i. Batu bersurat di atas ditulis dalam tulisan

- A Nagiri
- B Kawi
- C Palava
- D Rencong

- Megemaskinikan tatabahasa
- Menyusun kamus
- Membakukan sebutan
- Memantapkan sistem ejaan


ii. Dalam perancangan bahasa, langkah di atas termasuk dalam proses ?

- A pengkodan
- B pemupukan
- C perancangan strategi
- D pemodenan

iii. Usaha mengembangkan bahasa Melayu supaya tercapai keadaan “saling terjemah” dengan bahasa yang lain dapat dilaksanakan melalui

- A pembakuan sebutan
- B pembentukan istilah
- C pemantapan tatabahasa
- D penyeragaman ejaan

iv.



Berdasarkan carta di atas, S ialah

- A Batu bersurat di Sungai Teresat
 - B Batu bersurat di Minye Tujuh
 - C Batu bersurat di Pagar Ruyung
 - D Batu nisan Sultan Malikul-Salleh
- v. Yang manakah institusi atau pertubuhan yang terlibat, dalam penghasilan buku-buku bacaan sekolah ?
- A ASAS 50
 - B Pejabat Karang Mengarang
 - C Persatuan Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu
 - D Badan Bertindak Bahasa Kebangsaan

Soalan 6

Alih bentuk bahasa laras petikan novel yang berikut kepada bentuk prosa biasa.

(5 Markah)

Hilmi sudah meninggalkan bilik air, diganti kemudiannya oleh dua orang budak laki-laki dan seorang budak perempuan. Nadibah masih melanjutkan cucuannya yang hampir selesai. Dua budak lelaki yang datang mengambil air mengusiknya. Nadibah diam. Mereka berharap Nadibah menjawab-meludah ataupun memakinya. Mereka hanya ingin peluang bercakap. Nadibah tetap tidak melayan.

“Ala sombong”, kata seorang.

“Sekeras-keras kerak nasi akan lembut Juga nanti”, tambah yang seorang lagi.

Senang hati Nadibah apabila mereka pergi. “Tak beradat,” katanya di dalam hati.

“Barangkali tak berajar”, sambungnya.

Baru sahaja hatinya tenang sejenak, terdengar pula orang menyanyi ‘Mere Bolbol Sorhahei’ di luar. Dia yakin suara Abdul Fakar. Badannya serta-merta menggigil.

Nadibah menutup air paip seketika, berhenti membilas baki kainnya. Didengarnya hati-hati. Benarlah suara Abdul Fakar! Segera dibukanya semula paip air, membilas pakaian secepat dapat.

Lama juga suara Abdul Fakar di luar. Nadibah tahu tentulah Abdul Fakar sedang berbual atau berborak dengan beberapa orang di tepi jalan.

Serasa hilang semangat apabila suara ‘Mere Bolbol Sorhahei’ itu serta-merta menghampiri bilik mandi.

Mata Abdul Fakar segar terlihat Nadibah di situ. Beruntung, seorang India gemuk, pendek dan berkepala botak masuk. Abdul Fakar berundur, pura-pura mencuci tangan.

(Dipetik daripada A. Samad Said,
Salina, DBP, 1999, hlm. 161-162)

Soalan 7

Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

(5 Markah)

- i. Ragesh mengatakan bahawa Denesh yang membaling kapur terhadap Sharvin, tetapi sebenarnya dia yang telah melakukannya. Hal ini sama seperti _____.

- ii. Vinesh selalu ponteng sekolah untuk pergi ke pusat komputer dengan rakan-rakannya. Namun begitu, perbuatannya itu akhirnya terbongkar apabila dia ditahan dalam operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan di pusat komputer itu. Hal ini sama seperti _____.
- iii. Kehidupan Manicam berubah selepas tanah yang dibelinya dahulu dengan harga yang murah telah dibeli pula oleh pemaju perumahan dengan harga yang mahal. Hal ini sama seperti _____.
- iv. Malang sungguh nasib Karthik. Dia baru sahaja kematian ibu bapanya dan kini adik bongsunya pula jatuh sakit. Hal ini sama seperti _____.
- v. Petang tadi saya terserempak dengan seorang perempuan yang memiliki wajah yang seiras dengan kakak Dewi. Hal ini sama seperti _____.

KERTAS SOALAN TAMAT